Khairil Anwar bin Othman dan lain-lain lwn Aman Frontier Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — SAMAN PEMULA NO KA-28NCC-43–09 TAHUN 2020
ARIK SANUSI PK
12 MAC 2021

Syarikat dan Perbadanan Pengulungan — Rayuan — Terhadap keputusan membenarkan permohonan petisyen pengulungan — Sama ada petisyen penggulungan yang difailkan oleh pempetisyen-pempetisyen adalah sah dan teratur menurut undang-undang — Sama ada responden mempunyai alasan bermerit dan 'bona fide dispute' untuk menentang petisyen penggulungan tersebut — Sama ada syarikat responden adalah tidak solven dan tidak mampu untuk membayar jumlah yang dituntut dalam notis — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 42 k 13 — Akta Syarikat 2016 ss 464, 465(1)(e) & 466(1)

Ini merupakan rayuan responden yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah yang membenarkan permohonan petisyen penggulungan yang difailkan oleh pempetisyen-pempetisyen ('lampiran 1') bagi menggulung syarikat responden bernama Aman Frontier Sdn Bhd dengan kos sebanyak RM6,000 dan pelantikan pegawai penerima, Alor Setar sebagai penyelesai tetap syarikat responden. Petisyen penggulungan oleh pempetisyen-pempetisyen terhadap responden telah difailkan disampaikan kepada responden, diiklankan dan diwartakan secara efektif dan teratur menurut Akta Syarikat 2016 dan proses-proses ini tidak dipertikaikan oleh responden dalam kes ini. Pempetisyen-pempetisyen adalah pemilik-pemilik berdaftar bersama hartanah yang terkandung di dalam GM 603, Lot No 1520, Mukim Langgar, Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman yang keseluruhannya berkeluasan 2.978 hektar bersamaan 10.348 relong yang mana kini telah dipecahbahagikan kepada HS(M) 145 hingga HS(M) 219, PT 147 hingga PT 223, kesemuanya dalam Bandar Langgar, Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman) ('hartanah tersebut'). Responden adalah sebuah syarikat telah ditubuhkan pada 1 April 2014 sebagai syarikat persendirian menurut syer. Pempetisyen-pempetisyen dan responden telah memasuki perjanjian usaha sama bertarikh 13 November 2014 untuk memajukan hartanah tersebut sebagai sebuah projek perumahan tertakluk kepada syarat-syarat dan ketetapan-ketetapan yang terkandung di dalamnya. Walau bagaimanapun, responden didakwa telah memungkiri perjanjian usaha sama tersebut. Akibat daripada kemungkiran responden tersebut, pempetisyen-pempetisyen telah berjaya mendapatkan penghakiman ingkar kehadiran daripada Mahkamah Majistret Alor Setar terhadap responden pada 2 Julai 2018. Responden telah merayu ke Mahkamah Tinggi Alor Setar terhadap keputusan Mahkamah

Majistret Alor Setar tersebut, namun keputusan majistret yang bijaksana tersebut telah dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar pada 19 Ogos 2019. Tiada rayuan difailkan oleh responden terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Alor Setar tersebut. Pempetisyen-pempetisyen telah menghantar notis bertarikh 30 Disember 2019 di bawah s 466(1)(a) Akta Syarikat 2016 kepada responden untuk menuntut jumlah terhutang sebanyak RM54,000 dan lain-lain perintah yang berkenaan. Namun, responden telah gagal dan cuai membayar jumlah terhutang tersebut kepada pempetisyen-pempetisyen setelah tamat tempoh tiga minggu penyampaian notis tersebut. Oleh itu, Pempetisyen-pempetisyen telah memfailkan petisyen penggulungan bertarikh 6 September 2020 terhadap responden. Isu undang-undang yang berbangkit dalam tindakan ini adalah seperti yang berikut: (a) sama ada petisyen penggulungan yang difailkan oleh pempetisyen-pempetisyen adalah sah dan teratur menurut undang-undang; (b) sama ada responden mempunyai alasan bermerit dan 'bona fide dispute' untuk menentang petisyen penggulungan tersebut; dan (c) sama ada syarikat responden adalah tidak solven dan tidak mampu untuk membayar jumlah yang dituntut dalam notis bertarikh 30 Disember 2019 di bawah s 466(1)(a) Akta Syarikat 2016 dan oleh itu, wajar digulungkan oleh mahkamah ini.

Diputuskan:

(1) Mahkamah ini berpuas hati dan mendapati bahawa petisyen penggulungan yang difailkan oleh pempetisyen-pempetisyen adalah sah dan teratur menurut ss 464, 465(1)(e) dan 466(1) Akta Syarikat 2016 (Akta 777). Sebagai pemiutang, tuntutan pempetisyen-pempetisyen terhadap responden dalam petisyen penggulungan tersebut adalah untuk mendapatkan jumlah terhutang sebanyak RM54,000 dan lain-lain perintah yang berkenaan tersebut daripada responden sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Majistret Alor Setar melalui penghakiman ingkar kehadiran bertarikh 2 Julai 2018. Memandangkan responden masih gagal dan cuai untuk membayar kepada pempetisyen-pempetisyen jumlah terhutang sebagaimana yang dituntut dalam notis bertarikh 30 Disember 2019 di bawah s 466(1)(a) Akta Syarikat 2016 tersebut, maka syarikat responden hendaklah disifatkan tidak mampu untuk membayar hutangnya kepada pempetisyen-pempetisyen menurut s 466(1)(a) Akta Syarikat 2016 (lihat perenggan 11–13).

(2) Pada pendapat mahkamah ini, memandangkan responden tidak merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Alor Setar tersebut, maka penghakiman ingkar kehadiran tersebut mesti ditafsirkan sebagai sah, muktamad, konklusif, mengikat dan boleh dikuatkuasakan oleh pempetisyen-pempetisyen terhadap responden menerusi petisyen penggulungan tersebut. Oleh itu, mahkamah ini tidak boleh membuat apa-apa perintah yang membelakangkan perintah Mahkamah Tinggi

Alor Setar tersebut dan responden pula tidak boleh menafikan dan mencabar kesahan perintah Mahkamah Tinggi Alor Setar tersebut dalam prosiding penggulungan ini (lihat perenggan 14–15).

(3) Memandangkan penghakiman ingkar kehadiran telah pun dimasukkan terhadap responden bagi jumlah terhutang tersebut dan ia adalah muktamad. Memandangkan kausa tindakan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh responden untuk menentang petisyen penggulungan tersebut adalah sama dengan kausa tindakan dan isu-isu yang berbangkit dalam penghakiman ingkar kehadiran tersebut, mahkamah ini berpendapat bahawa doktrin res judicata adalah terpakai dalam prosiding penggulungan tersebut dan responden adalah diestop daripada menafikan fakta-fakta dan isu-isu yang telah diputuskan oleh Mahkamah Majistret Alor Setar berkenaan dengan penghakiman ingkar kehadiran tersebut (lihat perenggan 18–19).

(4) Memandangkan penghakiman ingkar kehadiran tersebut telah gagal diketepikan oleh responden dan doktrin res judicata adalah terpakai dalam prosiding penggulungan ini, maka mahkamah berpendapat bahawa jumlah penghakiman sebanyak RM54,000 dan lain-lain perintah yang berkenaan tersebut adalah sah, muktamad, konklusif, mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap responden melalui petisyen penggulungan tersebut. Oleh itu, mahkamah mendapati responden tidak mempunyai apa-apa alasan bermerit dan 'bona fide dispute' untuk menentang petisyen penggulungan tersebut (lihat perenggan 23–24).

(5) Memandangkan afidavit-afidavit yang difailkan oleh responden dalam prosiding penggulungan tersebut telah gagal menunjukkan bahawa responden adalah solven dan mampu untuk membayar jumlah yang dituntut dalam notis bertarikh 30 Disember 2019 di bawah s 466(1)(a) Akta Syarikat 2016 tersebut, berdasarkan s 466(1)(a) Akta Syarikat 2016, mahkamah berpendapati, responden hendaklah disifatkan tidak mampu untuk membayar balik hutangnya kepada pempetisyen-pempetisyen di bawah peruntukan tersebut (lihat perenggan 26–27).

[English summary

This was the respondent's appeal, being dissatisfied with the court's decision. Dissatisfied with the decision, the respondent appealed against the court's decision in allowing the winding up petition filed by the petitioners ('encl 1') to wind up the respondent's company named Aman Frontier Sdn Bhd with cost of RM6,000 and the appointment of a receiver, Alor Setar as a permanent liquidator of the respondent company. The winding up petition by the petitioners against the respondent was filed and served on the respondent, advertised and *gazetted* effectively and orderly in accordance with the Companies Act 2016 and these procedures are not disputed by the respondent

in this case. The petitioners are the joint registered owners of the property held under GM 603, Lot No 1520, Mukim Langgar, District Kota Setar, Kedah Darul Aman with a total area of 2,978 hectares equivalent to 10.348 feet which has now been subdivided into HS(M) 145 to HS(M) 219, PT 147 to PT 223, all held under Bandar Langgar, District Kota Setar, Kedah Darul Aman) ('the said property'). Respondent was a company incorporated on 1 April 2014 as a private company by shares. The petitioners and the respondent have entered into a joint venture agreement dated 13 November 2014 to develop the property as a housing project subject to the terms and conditions therein. However, the respondent was alleged to have breached the joint venture agreement. As a result of the respondent's default, the petitioners successfully obtained a judgment in default from the Magistrate Court of Alor Setar against the respondent on 2 July 2018. The respondent appealed to the High Court of Alor Setar against the Magistrate Court of Alor Setar decision, but learned magistrate's decision was upheld by the High Court of Alor Setar on 19 August 2019. No appeal was filed by the respondent against the said decision of the High Court of Alor Setar. The petitioners served a notice dated 30 December 2019 under s 466(1)(a) of the Companies Act 2016 to the respondent claiming the amount due of RM54,000 and other orders. However, the respondent failed and negligently paid the amount owed to the petitioners after the expiry of three weeks of service of the said notice. Accordingly, the petitioners filed a winding up petition dated 6 September 2020 against the respondent. The legal issues arose in this suit are as follows: (a) whether the winding up petitions filed by the petitioners are valid and in order pursuant to the law; (b) whether the respondent had merits and a 'bona fide dispute' to oppose the winding up petition; and (c) whether the respondent company was insolvent and unable to pay the amount claimed in the notice dated 30 December 2019 under s 466(1)(a) of the Companies Act 2016 and therefore, should be wound up by this court.

Held:

(1) This court was satisfied and found that the winding up petition filed by the petitioners was valid and in order pursuant to ss 464, 465(1)(e) and 466(1) of the Companies Act 2016 (Act 777). As creditors, the petitioners' claim against the respondent in the winding up petition was to obtain the amount of RM54,000 owed and other orders from the respondent as ordered by the Magistrate Court of Alor Setar based on the judgment in default dated 2 July 2018. As the respondent still failed and negligent to pay to the petitioners the amount owed as claimed in the notice dated 30 December 2019 under s 466(1)(a) of the Companies Act 2016, the respondent company shall be deemed unable to pay its debts to the petitioner pursuant to s 466(1)(a) of the Companies Act 2016 (see paras 11–13).

(2) The court was of the opinion, as the respondent did not appeal against

A the decision of the High Court of Alor Setar, the judgment in default must be construed as valid, final, conclusive, binding and enforceable by the petitioners against the respondent through the winding-up petition. Therefore, this court cannot make any order to overturn the order of the High Court of Alor Setar and the respondent cannot deny and challenge B the validity of the order of the High Court of Alor Setar in this winding up proceeding (see paras 14–15).

(3) Since the judgment in default was entered against the respondent for the said amount owed and it was final. Since the cause of action and issues C raised by the respondent against the winding up petition are the same causes of action and issues raised in judgment in default, this court held that the doctrine of res judicata was applied in the winding up proceeding and the respondent was estopped from denying the facts and issues that already decided by the Magistrate Court of Alor Setar in respect of the D judgment in default (see paras 18–19).

(4) Since the judgment in default was failed to be set aside by the respondent and the doctrine of res judicata wass applied in this winding up proceeding, therefore the court was of the view that the total judgment of E RM54,000 and other orders were valid, final, conclusive, binding and can be enforced against the respondent through the winding up petition. Thus, the court found that the respondent did not have any merits and 'bona fide dispute' to oppose the winding up petition (see paras 23–24).

F (5) Since the affidavits filed by the respondent in the winding up proceeding have failed to show that the respondent was solvent and able to pay the amount claimed in the notice dated 30 December 2019 under s 466(1)(a) of the Companies Act 2016, based on s 466(1)(a) of the Companies Act 2016, the court held, the respondent should be deemed G unable to pay its debts to the petitioners under the said provision (see paras 26–27).]

Kes-kes yang dirujuk

Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti Sdn Bhd [1995] 3 MLJ 189, H MA (dirujuk)

Gulf Business Construction (M) Sdn Bhd v Israq Holding Sdn Bhd [2010] 5 MLJ 34; [2010] 8 CLJ 775, MR (diikut)

Lafarge Concrete (M) Sdn Bhd v Gold Trend Builders Sdn Bhd [2012] 6 MLJ 817, MR (dirujuk)

I *Leong Cheong Kweng Mines Ltd v Kok Hoong* [1962] 1 MLJ 224, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Syarikat 2016 ss 464, 465(1)(e), 466(1), (1)(a)

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 42 k 13

Nor Amiza bt Zainon (Kalthum Nor Law Office) bagi pihak pempetisyen.
Ahmad Farid Zakaria (Ahmad Farid & Assoc) bagi pihak responden.

Arik Sanusi PK:

PENDAHULUAN

[1] Ini merupakan rayuan responden yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah ini yang membenarkan permohonan petisyen penggulungan yang difailkan oleh pempetisyen-pempetisyen ('lampiran 1') bagi menggulung syarikat responden bernama Aman Frontier Sdn Bhd (201401011016) (1087092-K) dengan kos sebanyak RM6,000 dan pelantikan Pegawai Penerima, Alor Setar sebagai penyelesai tetap syarikat responden.

LATAR BELAKANG KES

[2] Petisyen penggulungan oleh pempetisyen-pempetisyen terhadap responden telah difailkan di mahkamah ini, disampaikan kepada responden, diiklankan dan diwartakan secara efektif dan teratur menurut Akta Syarikat 2016 dan proses-proses ini tidak dipertikaikan oleh responden dalam kes ini.

[3] Pempetisyen-pempetisyen adalah pemilik-pemilik berdaftar bersama hartanah yang terkandung di dalam GM 603, Lot No 1520, Mukim Langgar, Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman yang keseluruhannya berkeluasan 2.978 hektar bersamaan 10.348 relong yang mana kini telah dipecah bahagikan kepada HS(M) 145 hingga HS(M) 219, PT 147 hingga PT 223, kesemuanya dalam Bandar Langgar, Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman) ('hartanah tersebut').

[4] Responden adalah sebuah syarikat telah ditubuhkan pada 1 April 2014 sebagai syarikat persendirian menurut syer dan mempunyai alamat berdaftar di No 2179-A, Lorong Kampung Pisang, 05100 Alor Setar, Kedah.

[5] Pempetisyen-pempetisyen dan responden telah memasuki perjanjian usaha sama bertarikh 13 November 2014 untuk memajukan hartanah tersebut sebagai sebuah projek perumahan tertakluk kepada syarat-syarat dan ketetapan-ketetapan yang terkandung di dalamnya.

[6] Walau bagaimanapun, responden didakwa telah memungkiri perjanjian usaha sama tersebut. Akibat daripada kemungkiran responden tersebut, pempetisyen-pempetisyen telah berjaya mendapatkan penghakiman

ingkar kehadiran daripada Mahkamah Majistret Alor Setar terhadap responden pada 2 Julai 2018. Penghakiman tersebut adalah seperti yang berikut:

(a) jumlah tuntutan sebanyak Ringgit Malaysia lima puluh empat ribu (RM54,000) sahaja setakat musim pertama tahun 2018;

(b) Ringgit Malaysia enam ribu (RM6,000) bagi setiap musim dikira mulai musim kedua tahun 2018 sehingga penyelesaian penuh oleh defendan kepada plaintif-plaintif;

(c) faedah pada kadar 5% setahun dikira atas keseluruhan jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh oleh defendan kepada plaintif-plaintif; dan

(d) kos tindakan ini sebanyak Ringgit Malaysia lapan ratus satu (RM801) sahaja.

[7] Responden telah merayu ke Mahkamah Tinggi Alor Setar terhadap keputusan Mahkamah Majistret Alor Setar tersebut, namun keputusan majistret yang bijaksana tersebut telah dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar pada 19 Ogos 2019. Tiada rayuan difailkan oleh responden terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Alor Setar tersebut.

[8] Pempetisyen-pempetisyen telah menghantar notis bertarikh 30 Disember 2019 di bawah s 466(1)(a) Akta Syarikat 2016 kepada responden untuk menuntut jumlah terhutang sebanyak RM54,000 dan lain-lain perintah yang berkenaan. Namun, responden telah gagal dan cuai membayar jumlah terhutang tersebut kepada pempetisyen-pempetisyen setelah tamat tempoh tiga minggu penyampaian notis tersebut.

[9] Oleh itu, pempetisyen-pempetisyen telah memfailkan petisyen penggulungan bertarikh 6 September 2020 terhadap responden bagi menuntut perintah-perintah seperti yang berikut:

(1) That the Aman Frontier Sdn Bhd (201401011016) (1087092-K) be wound up by the Court under the provisions of the Companies Act 2016;

(2) That the Official Receiver, Alor Setar be appointed as Permanent Liquidator of Aman Frontier Sdn Bhd (201401011016) (1087092-K);

(3) That the Petitioner be allowed their costs of and incidental to the winding up to be taxed by the proper officer of the Court and paid by the Permanent Liquidator out of the assets of the Company;

(4) That such other order be made in the premises as the court may deem just.

ISU UNDANG-UNDANG YANG BERBANGKIT

[10] Isu undang-undang yang berbangkit dalam tindakan ini adalah seperti yang berikut:

(a) sama ada petisyen penggulungan yang difailkan oleh pempetisyen-pempetisyen adalah sah dan teratur menurut undang-undang;

(b) sama ada responden mempunyai alasan bermerit dan *bona fide dispute* untuk menentang petisyen penggulungan tersebut; dan

(c) sama ada syarikat responden adalah tidak solven dan tidak mampu untuk membayar jumlah yang dituntut dalam notis bertarikh 30 Disember 2019 di bawah s 466(1)(a) Akta Syarikat 2016 dan oleh itu, wajar digulungkan oleh mahkamah ini.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

Isu pertama

[11] Mengenai isu pertama, mahkamah ini berpuas hati dan mendapati bahawa petisyen penggulungan yang difailkan oleh pempetisyen-pempetisyen adalah sah dan teratur menurut ss 464, 465(1)(e) dan 466(1) Akta Syarikat 2016 (Akta 777). Peruntukan tersebut adalah seperti yang berikut:

(a) s 464 Akta Syarikat 2016:

464 *Petisyen penggulungan*

(1) Sesuatu syarikat, sama ada digulung secara sukarela atau tidak, *boleh digulung di bawah sesuatu perintah Mahkamah atas petisyen mana-mana satu daripada yang berikut* atau lebih:

(a) syarikat;

(b) mana-mana pemiutang, termasuklah pemiutang luar jangka atau prospektif, bagi syarikat;

(c) seseorang penyumbang atau mana-mana orang yang merupakan wakil diri kepada penyumbang yang mati atau pemegang amanah bagi kebankrapan atau Ketua Pengarah Insolvensi bagi estet penyumbang yang bankrap;

(d) ...

(b) s 465(1)(e) Akta Syarikat 2016:

465 *Hal keadaan yang syarikat boleh digulung oleh Mahkamah*

(1) Mahkamah boleh mengarahkan penggulungan jika:

A (a) ... ;

(b) ... ;

(c) ... ;

(d) ... ;

B (e) *syarikat tidak mampu untuk membayar hutangnya*;

(f) ...

C (c) s 466(1) Akta Syarikat 2016:

466 *Takrif 'ketidakmampuan untuk membayar hutang'*

(1) Suatu *syarikat hendaklah disifatkan tidak mampu untuk membayar hutangnya* jika:

D (a) *syarikat itu berhutang dalam jumlah wang yang melebihi amaun yang ditetapkan oleh Menteri dan seseorang pemiutang melalui penyerahhakan atau selainnya menyampaikan suatu notis tuntutan, dengan sendiri atau melalui ejennya, yang menghendaki syarikat itu supaya membayar jumlah wang yang kena dibayar dengan meninggalkan notis itu di pejabat berdaftar*
E *syarikat itu, dan syarikat itu selama dua puluh satu hari selepas penyampaian tuntutan itu mengabaikan membayar jumlah wang itu* atau dalam menjamin atau mencapai persetujuan baginya sehingga memuaskan hati pemiutang;

F (b) pelaksanaan atau proses lain yang dikeluarkan ke atas sesuatu penghakiman, dekri atau perintah mana-mana mahkamah yang memihak kepada pemiutang syarikat dikembalikan tanpa dijelaskan dengan sepenuhnya atau sebahagiannya; atau

G (c) dibuktikan sehingga memuaskan hati Mahkamah bahawa syarikat tidak mampu untuk membayar hutangnya; dan dalam menentukan sama ada sesuatu syarikat tidak mampu untuk membayar hutangnya, Mahkamah hendaklah mengambil kira tanggungan luar jangka dan prospektif syarikat itu.

H **[12]** Dalam prosiding penggulungan ini, mahkamah ini berpuas hati bahawa ketiga-tiga peruntukan di atas telah pun dipenuhi oleh pempetisyen-pempetisyen. Sebagai pemiutang, tuntutan pempetisyen-pempetisyen terhadap responden dalam petisyen penggulungan tersebut adalah untuk mendapatkan jumlah terhutang sebanyak RM54,000
I dan lain-lain perintah yang berkenaan tersebut daripada responden sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Majistret Alor Setar melalui penghakiman ingkar kehadiran bertarikh 2 Julai 2018 (eksh KA1 dalam petisyen penggulungan (lampiran 1)). Penghakiman ingkar kehadiran yang dimasukkan oleh Mahkamah Majistret Alor Setar terhadap responden

tersebut telah pun disahkan oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar pada 19 Ogos 2020 (eksh KOA5 dalam afidavit jawapan II Khairil Anwar bin Othman (lampiran 19)). A

[13] Memandangkan responden masih gagal dan cuai untuk membayar kepada pempetisyen-pempetisyen jumlah terhutang sebagaimana yang dituntut dalam notis bertarikh 30 Disember 2019 di bawah s 466(1)(a) Akta Syarikat 2016 (eksh KA2 dalam petisyen penggulungan (lampiran 1)) tersebut, maka syarikat responden hendaklah disifatkan tidak mampu untuk membayar hutangnya kepada pempetisyen-pempetisyen menurut s 466(1)(a) Akta Syarikat 2016. B C

[14] Pada pendapat mahkamah ini, memandangkan responden tidak merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Alor Setar tersebut, maka penghakiman ingkar kehadiran tersebut mesti ditafsirkan sebagai sah, muktamad, konklusif, mengikat dan boleh dikuatkuasakan oleh pempetisyen-pempetisyen terhadap responden menerusi petisyen penggulungan tersebut. D

[15] Oleh itu, mahkamah ini tidak boleh membuat apa-apa perintah yang membelakangkan perintah Mahkamah Tinggi Alor Setar tersebut dan responden pula tidak boleh menafikan dan mencabar kesahan perintah Mahkamah Tinggi Alor Setar tersebut dalam prosiding penggulungan ini. Perkara ini telah diputuskan oleh Abdul Malik Ishak JCA dalam kes *Gulf Business Construction (M) Sdn Bhd v Israq Holding Sdn Bhd* [2010] 5 MLJ 34; [2010] 8 CLJ 775 seperti yang berikut: E F

> [19] It must be emphasised that *there was no appeal against the court order dated 3 June 2005. And for all intents and purposes that court order must be construed as final, conclusive and binding*.
>
> [20] It is legally impossible for the respondent to challenge the validity of the court order dated 3 June 2005 in the winding up proceedings. If high authority is required for this simple proposition, the case of *Sovereign General Insurance Sdn Bhd v Koh Tian Bee* [1988] 1 MLJ 304; [1988] 1 CLJ 155; [1988] 1 CLJ Rep 277, SC, a decision of Lee Hun Hoe CJ (Borneo) should be referred to. There at p 305 (MLJ); p 157 (CLJ); p 279 (CLJ Rep), His Lordship had this to say:
>
> > *In the exercise of his jurisdiction in bankruptcy proceedings, the learned judge cannot go behind the judgment. Thus on an application to set aside a bankruptcy notice, it was laid down as early as 1893 that the court could not go behind the judgment*. See *Re Easton; Ex p Dixon* (1893) 10 Morr 111; 9 TLR 408. Even if there has been an irregularity in the service of the notice of sale, it is not open to the respondent in this case to challenge the execution proceedings.
>
> [21] In the same vein, Steve Shim J (later Chief Judge, Sabah and Sarawak) in *Re Tioh Ngee Heng; Ex p Yap Kiu Lian @ Norhashimah Yap (Administratrix of the estate* G H I

of Mohamad Shariff bin Hj Hussain) [2000] 1 LNS 197; [2000] 6 MLJ 155, had this to say at p 158 of the report:

> It is trite law that an order, even if irregular, is valid and enforceable until set aside. *This principle is particularly relevant in bankruptcy proceedings where the court generally will not look behind the judgments or order* save in very limited circumstances of fraud or illegality, etc (Penekanan ditambah.)

[16] Mahkamah ini mendapati responden menerusi afidavit Tang Woanren di lampiran 12 dan afidavit balasan Tang Woan Rou di lampiran 18 telah mencabar petisyen penggulungan tersebut dengan membangkitkan kausa tindakan, fakta-fakta dan isu-isu yang sama berkaitan dengan perjanjian usaha sama bertarikh 13 November 2014 antara pempetisyen-pempetisyen dengan responden sepertimana yang telah diputuskan dalam penghakiman ingkar kehadiran tersebut.

[17] Walau bagaimanapun, berdasarkan penelitian dan pemeriksaan mahkamah ini terhadap:

(i) writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif (iaitu pempetisyen-pempetisyen dalam prosiding penggulungan ini) seperti dalam afidavit jawapan Khairil Anwar bin Othman (eksh KAO1, lampiran 13);

(ii) notis permohonan defendan (iaitu responden dalam prosiding penggulungan ini) di bawah A 42 k 13 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan afidavit sokongan Tang Woanren seperti dalam eksh KAO2, lampiran 13; dan

(iii) cadangan pernyataan pembelaan defendan seperti dalam eksh TWR2, lampiran 13.

Mahkamah ini mendapati, kausa tindakan, fakta-fakta dan isu-isu yang dibangkitkan dalam afidavit Tang Woanren ('lampiran 12') dan afidavit balasan Tang Woan Rou ('lampiran 18') seperti di perenggan 16 di atas berkenaan dengan perjanjian usaha sama tersebut bagi menentang petisyen penggulungan tersebut adalah sama dengan fakta-fakta dan isu- isu yang dibangkitkan dalam pliding dan kertas kausa-kertas kausa yang dinyatakan di perenggan 17(i), (ii) dan (iii) di atas, yang mana penghakiman ingkar kehadiran telah pun dimasukkan oleh pempetisyen-pempetisyen terhadap responden dan responden telah gagal mengetepikan penghakiman ingkar kehadiran tersebut di Mahkamah Tinggi Alor Setar.

[18] Pada pendapat mahkamah ini, memandangkan penghakiman ingkar kehadiran telah pun dimasukkan terhadap responden bagi jumlah terhutang

tersebut dan ia adalah muktamad, maka 'it is legally impossible for the respondent to challenge the validity of the court order dated 2 July 2018 in this winding up proceeding' (lihat *Gulf Business Construction (M) Sdn Bhd*). A

[19] Memandangkan kausa tindakan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh responden untuk menentang petisyen penggulungan tersebut adalah sama dengan kausa tindakan dan isu-isu yang berbangkit dalam penghakiman ingkar kehadiran tersebut, mahkamah ini berpendapat bahawa doktrin res judicata adalah terpakai dalam prosiding penggulungan tersebut dan responden adalah diestop daripada menafikan fakta-fakta dan isu-isu yang telah diputuskan oleh Mahkamah Majistret Alor Setar berkenaan dengan penghakiman ingkar kehadiran tersebut. B C

[20] Dalam kes *Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti Sdn Bhd* [1995] 3 MLJ 189, Peh Swee Chin FCJ dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Agung telah menjelaskan doktrin res judicata seperti yang berikut: D

> What is res judicata? It simply means a matter adjudged, and its significance lies in its effect of creating an *estoppel per rem judicatum*. *When a matter between two parties has been adjudicated by a court of competent jurisdiction, the parties and their privies are not permitted to litigate once more the res judicata*, because the judgment becomes the truth between such parties, or in other words, the parties should accept it as the truth; *res judicata pro veritate accipitur*. (Penekanan ditambah.) E

[21] Mengguna pakai prinsip undang-undang yang sama, Thomson CJ (pada ketika itu) dalam kes *Leong Cheong Kweng Mines Ltd v Kok Hoong* [1962] 1 MLJ 224 telah menjelaskan maksud res judicata seperti yang berikut: F

> At this point I would emphasise that the question is in its essence one of estoppel and not one of res judicata. Generally speaking, res judicata is a matter of procedure while estoppel is a matter of evidence. The dichotomy, of course, is not complete in the logical sense. Res judicata, a thing which has been adjudged, may in certain circumstances give rise to an estoppel. Nevertheless, it is of the utmost importance to observe the distinction between the rule of res judicata in the strict sense and estoppel 'by matter of record', to use the much quoted phrase of Coke. G
>
> *Res judicata in the strict sense arises where a matter has been litigated between parties and litigated to a final decision. That decision cannot be questioned and the matters decided cannot be reopened. Where it relates to a debt the debt ceases to exist and becomes merged in the judgment*. It is a principle based on the old jurisprudential maxim that no one should be troubled twice for the same cause. (Penekanan ditambah) H

[22] Berdasarkan alasan-alasan di atas, memandangkan Mahkamah Tinggi Alor Setar telah pun mengesahkan penghakiman ingkar kehadiran terhadap responden bagi jumlah terhutang sebanyak RM54,000 tersebut dan lain-lain perintah yang berkenaan, mahkamah ini berpendapat bahawa petisyen I

penggulungan yang difailkan oleh pempetisyen-pempetisyen adalah sah dan teratur menurut Akta Syarikat 2016 dan jumlah terhutang tersebut boleh dikuatkuasakan ke atas syarikat responden menerusi petisyen penggulungan tersebut.

Isu kedua

[23] Mengenai isu kedua, memandangkan penghakiman ingkar kehadiran tersebut telah gagal diketepikan oleh responden dan doktrin res judicata adalah terpakai dalam prosiding penggulungan ini, maka mahkamah ini berpendapat bahawa jumlah penghakiman sebanyak RM54,000 dan lain-lain perintah yang berkenaan tersebut adalah sah, muktamad, konklusif, mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap responden melalui petisyen penggulungan tersebut.

[24] Oleh itu, mahkamah ini mendapati responden tidak mempunyai apa-apa alasan bermerit dan *bona fide dispute* untuk menentang petisyen penggulungan tersebut.

[25] Dalam kes *Lafarge Concrete (M) Sdn Bhd v Gold Trend Builders Sdn Bhd* [2012] 6 MLJ 817, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa apabila hutang pemiutang berjaya dibuktikan, maka pemiutang tersebut boleh mengemukakan petisyen penggulungan walaupun sesebuah syarikat itu adalah solven. Dalam penghakimannya, Jeffrey Tan JCA (pada ketika itu) telah menyatakan seperti yang berikut:

> [20] The winding up order should have been made even if the respondent was solvent (*Cornhill Insurance plc v Improvement Services Ltd and ors* [1986] 1 WLR 114, where it was held by Harman J that *where a creditor's debt is clearly established, then the creditor has the right to present a winding up petition and obtain relief even though the company was solvent*). 'Where the creditor's debt is clearly established it seems to me to follow that this court would not, in general, at any rate, interfere though the company would appear to be solvent ... to persist in non-payment ... would itself either suggest inability or that the application was an application that the court should give the debtor relief which it itself could provide, but would not provide, by paying the debt' (*Mann v Goldstein* [1968] 1 WLR 1091 per Ungoed-Thomas J). The solvency of a company counts for nothing if it is not ready, willing and able to meet the demand of the creditor. The discretion to refuse winding up could be exercised if the respondent was ready, willing and able to meet the demand of the appellant (see *Imperial Hydropathic Hotel Company, Blackpool v Hampson* (1882) 23 Ch D 1; [1883] 49 LT 147, 151, where the company was solvent and the creditor accepted the proposal to pay the debt within one month, the Court of Appeal (Jessel MR, Cotton and Bowen UJ) ordered the debt to be paid within one month, in default of which 'there will be the usual winding up order'). But it was not that in the instant case.
>
> [21] *There was no genuine dispute. The respondent was insolvent. The respondent was not ready, willing and able to meet the demand. Winding up should have been the*

foregone conclusion. (Penekanan ditambah.)

Isu ketiga

[26] Mengenai isu ketiga, memandangkan afidavit-afidavit yang difailkan oleh responden dalam prosiding penggulungan tersebut telah gagal menunjukkan bahawa responden adalah solven dan mampu untuk membayar jumlah yang dituntut dalam notis bertarikh 30 Disember 2019 di bawah s 466(1)(a) Akta Syarikat 2016 tersebut, berdasarkan s 466(1)(a) Akta Syarikat 2016, pada pendapat mahkamah ini, responden hendaklah disifatkan tidak mampu untuk membayar balik hutangnya kepada pempetisyen-pempetisyen di bawah peruntukan tersebut.

[27] Oleh itu, adalah wajar perintah penggulungan yang difailkan oleh pempetisyen-pempetisyen dalam prosiding penggulungan ini dibenarkan oleh mahkamah ini.

KESIMPULAN

[28] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpuas hati dan mendapati bahawa petisyen penggulungan tersebut adalah sah dan teratur menurut Akta Syarikat 2016 dan memandangkan syarikat responden tidak berkemampuan untuk membayar jumlah terhutang sebagaimana yang dinyatakan dalam penghakiman ingkar kehadiran bertarikh 2 Julai 2018 tersebut, adalah wajar syarikat responden diperintahkan digulungkan oleh mahkamah ini menerusi petisyen penggulungan tersebut dengan kos sebanyak RM6,000.

[29] Perintah-perintah lain yang dipohon oleh pempetisyen-pempetisyen dalam petisyen penggulungan tersebut turut dibenarkan oleh mahkamah ini.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Nuzul Fitrie